

MOHD HAKIM ARSHAD  
*mohdhakim@kuis.edu.my*

NORSHAHIDA KHALID  
MARIAM ABDUL MAJID  
MUSTAFA KAMAL AMAT MISRA

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

### ABSTRAK

*Kebajikan mualaf perlu diutamakan oleh masyarakat Muslim umumnya. Cabaran yang dihadapi oleh mualaf khususnya di Negeri Selangor darul Ehsan boleh dilihat seperti pada kes yang dimuatkan dalam akhbar Harian Metro Online bertarikh 17 Oktober 2012 yang bertajuk Membela Nasib Saudara Baru mengenai seorang saudara baru, Rosnah Miasin yang dihalau dari rumah sewa suaminya dalam keadaan sarat mengandung di samping keengganannya menerimanya kembali selepas beliau memeluk Islam. Begitu juga dengan contoh cabaran lain seperti berita yang dilaporkan oleh akhbar Mingguan Malaysia pada 29 November 2009 mengenai seorang mualaf yang dirogol oleh ketua sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) ketika dalam urusan meminta bantuan daripada NGO berkenaan. Cabaran-cabaran ini turut diakui oleh Dr. Mohd. Ridhuan Tee Abdullah dalam ucapannya yang bertajuk Sukarnya Hidup Sebagai Mualaf. Justeru menerusi kertas kerja ini mengkaji faktor dan harapan yang berlegar di fikiran kalangan mualaf, mengenalpasti bentuk cabaran dan masalah yang dihadapi serta memberi cadangan penyelesaian yang bersesuaian berkaitan situasi ini.*

**Kata Kunci:** *Mualaf di Selangor, Cabaran*

### 1.0 PENGENALAN

Di dalam bab kedua ini, penulis akan membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan permasalahan *muallaf* dalam kehidupan masyarakat secara umum. Di antara perkara-perkara tersebut termasuklah kepada konsep *muallaf* dari pelbagai perspektif seperti perspektif dari Al-Quran yang akan dibincangkan seperti dibawah dan sebagainya. Seterusnya penulis menjelaskan faktor yang mendorong orang bukan Islam khususnya *muallaf* untuk memeluk Islam, dan membincangkan permasalahan yang berlaku di kalangan *muallaf* setelah mereka memeluk Islam dari pelbagai sudut. Akhir sekali, penulis mengutarakan beberapa pandangan proses penyelesaian menurut barat dan Islam yang boleh dilakukan oleh *muallaf* kelak secara amnya.

Namun, menjadi persoalan di sini bahawa masih timbul isu dan permasalahan yang berkaitan di kalangan *muallaf* khususnya di negeri Selangor darul Ehsan. Sebagai contoh, dipetik dari artikel dalam sebuah akhbar, Harian Metro Online yang disiarkan pada 17 Oktober 2012 yang bertajuk 'Membela Nasib Saudara Baru' mengenai kes Rosnah Miasin, 30 yang ditemui sebelum ini sarat mengandung, hampir dihalau dari rumah sewa suaminya yang hilang entah ke mana dan keluarga enggan menerimanya semula selepas memeluk Islam.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> [http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Membelanasibsaudarabaru/Article/index\\_html](http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Membelanasibsaudarabaru/Article/index_html)  
3 November 2012. 13:54.

Mungkin dalam kes Rosnah Miasin sebelum ini telah disiarkan di media dan mendapat perhatian dari beberapa pihak yang bertanggungjawab, namun bagaimana pula dengan ribuan saudara baru yang turut senasib seperti Rosnah di luar sana, terpaksa berdepan dengan pelbagai kenehan dan masalah terutama kesukaran mendapatkan bantuan? Ini yang membimbangkan kita dan kadang-kadang kita sebagai masyarakat semuslim terlepas pandang dengan masalah ini. Hanya sekadar mengetahui mereka memeluk agama Islam tanpa memberi sokongan yang berterusan itu tidak cukup bagi pandangan penulis.

Tambahan lagi, penulis cukup terkesan dan terpenggil untuk membuat kajian ini apabila membaca sebuah artikel dalam laman blog seorang *muallaf* yang tidak asing bagi kita di Malaysia, iaitu Dr. Mohd. Ridhuan Tee Abdullah, Pensyarah Kanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Beliau mengutarakan pandangan dan mengupas serba sedikit mengenai isu yang bertajuk 'Sukarnya menjadi *muallaf*'. Penulis bertanya kenapa beliau mengeluarkan kenyataan seperti berikut. Bak kata pepatah, pokok takkan bergoyang jika tiada anginnya. Beliau terbaca berita yang menggemparkan dalam akhbar Mingguan Malaysia pada 29 November 2009, mengenai seorang *muallaf* dirogol oleh ketua kepada sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) ketika meminta pertolongan daripada mereka. Kejadian sebegini sepatutnya tidak seharusnya berlaku dalam kalangan masyarakat kita pada hari ini.

Menerusi kajian yang dijalankan ini diharap dapat merungkaikan beberapa persoalan seperti permasalahan yang dihadapi oleh *muallaf* pada masa akan datang agar ditetapkan dan mengukuhkan lagi keimanan mereka.

## 2.0 DEFINISI MUALLAF

Perkataan *muallaf* atau ada juga yang menggunakan istilah saudara baru ini adalah diambil daripada perkataan bahasa Arab iaitu *Allafa* bermakna berjinak-jinak atau minat, manakala *muallaf* yang membawa maksud orang yang dijinakkan hati mereka untuk memeluk Islam. Penulis lebih suka memilih istilah *muallaf* ini adalah kerana penulis melihat bahawa hanya istilah ini yang bertepatan dengan maksud untuk seseorang itu memeluk Islam dengan hatinya dijinakkan dan ia dikukuhkan lagi berdasarkan kepada firman Allah s.w.t menerusi ayat 60 dalam surah Al-Taubah;

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبِهِمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴾

Maksudnya: Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekakan) budak, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk mereka yuang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana.

Berdasarkan ayat di atas, ia telah menjelaskan bahawa salah satu golongan yang layak menerima zakat adalah golongan *muallaf* iaitu orang-orang yang ditarik hati mereka.

Seterusnya, kenyataan ini telah dirumuskan oleh Prof. Dr. Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah atau beliau dikenali sebagai HAMKA dalam kitabnya yang berjudul “*Tafsir Al-Azhar*” yang mendefinisikannya sebagai orang-orang yang ditarik-tarik supaya mencintai Islam. Beliau menyatakan bahawa Nabi s.a.w telah melakukan ini setelah selesai peperangan Hunaian dan penaklukan Kabilah Hawazin. Meskipun terang, seketika terdesak dari penyerbuan Hawazin dan Thaqif di medan perang Hunaian, kebanyakan mereka yang lari tunggang-langgang, namun setelah selesai perang Rasulullah s.a.w. membahagi-bahagikan *ghanimah* yang berlimpah-limpah itu kepada mereka, sehingga kaum Anshar dan Muhajirin yang sama datang dari Madinah itu tidak mendapat pembahagian apa-apa. Padahal sudah nyata bahawa di kalangan mereka itu ada yang lemah iman bahkan ada yang masih munafik. Termasuklah juga pemberian kepada Abu Sufyan 100 unta, anaknya Mu’awiyah 100 unta dan anaknya Yazid 100 unta. Demikian pula kepada yang lain-lain. Maka dengan kebaikan hati dan tangan yang terbuka, perbuat yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w itu sangat memberi kesan kepada jiwa mereka sehingga mereka menjadi orang Islam yang baik.<sup>2</sup>

Penulis melihat, betapa Islam menitik beratkan kemudahan dan pertolongan kepada golongan tersebut. Seterusnya, maksud Khalifah Rasulullah s.a.w memberikan zakat dengan jumlah besar kepada mereka itu ialah untuk lebih memperdalamkan lagi pengaruh mereka dalam kalangan kaum mereka, supaya kaum ini pun tertarik kepada Islam. Di dalam tafsir yang ditulis oleh Hamka ini berpendapat bahawa atas dasar-dasar ini maka ahli-ahli Fiqh mengambil kesimpulan iaitu orang-orang yang ditarik-tarik itu adalah dua macam. Pertama dari kalangan Islam sendiri, kedua dari orang lain agama.

Dari kalangan Islam yang patut mendapat bantuan zakat besar itu pula ialah Muslimin yang tinggal di sempadan antara negeri kuasa Islam dengan negeri kuasa musuh. Oleh kerana mereka itu terumbang-ambing, menjadi persoalannya di sini adakah mereka akan masuk dalam perlindungan pemerintahan kafir atau akan tetap dalam perlindungan pemerintahan Islam. Seseengah *Fuqaha*’ mengatakan bahawa ini pun boleh termasuk dalam Sabilillah. Dari kalangan orang Islam juga, iaitu orang yang berpengaruh dalam satu negeri atau desa Islam. Supaya dengan sebab pengaruhnya itu, maka penduduk negeri itu dapat mengeluarkan zakatnya dengan lancar.

Yang ditarik hatinya dalam kalangan orang yang belum Islam pula. Ini telah dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w sendiri dalam penaklukan Makkah terhadap Shafwan bin Umaiyah. Ketika Nabi s.a.w memasuki Makkah, dia mahu lari ke luar Makkah. Tetapi Nabi berpesan kepadanya jika dia datang, dia akan diberi aman, tidak akan diapa-apakan, dan diberi janji empat bulan untuk berfikir dan bersedia untuk masuk Islam. Maka setelah Rasulullah s.a.w pergi ke peperangan Hunaian, dia pun datang dan terus menggabungkan diri dalam tentera Islam, padahal ketika itu dia belum menyatakan diri untuk memeluk Islam. Lalu Shafwan berkata: “Diwarisi oleh seorang laki-laki dari Quraisy, lebih aku sukai daripada aku diwarisi oleh seorang dari Hawzain.” Maka dia pun turut berperang di pihak Nabi, kerana Nabi s.a.w berketuran Quraisy sama sepertinya, kerana kalau Hawazin menang, dia akan berada di bawah kuasa Hawazin, dan itu adalah paling dia tidak suka. Inipun membuktikan bahawa perangnya di pihak Nabi s.a.w di waktu itu belum kerana Iman, hanya kerana kemegahan Kabilah. Maka peperangan Nabi itupun menang. Setelah selesai perang, Rasulullah s.a.w memberikan kepadanya unta sepadang. Beratus ekor banyaknya. Dia sendiri

---

5. Prof. dr. haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (HAMKA) (1984). *Tafsir Al-Azhar*. Juzu’10. Ayat At-taubah (ayat 60). Edisi pustaka Nasional Pte Ltd; Singapura.h.3003

tidak menyangka akan diberi sebanyak itu. Lalu dia pun berkata: “Satu pemberian yang tidak mengingiat persediaan buat diri sendiri.”<sup>3</sup>

### **3.0 PERMASALAHAN YANG DIHADAPI OLEH MUALLAF DI SELANGOR<sup>4</sup>**

#### **3.1 Berkhatan**

Kebanyakan orang bukan Islam mereka takut memeluk agama Islam walaupun mereka berminat adalah kerana berkhatan. Masalah ini timbul terutamanya di kalangan orang tua. Sesetengah Jabatan Agama atau Majlis Agama mensyaratkan berkhatan sebelum dikeluarkan sijil Islam kepadanya.

#### **3.2 Sebutan Saudara Baru**

Kebanyakan sahabat kita yang baru memeluk agama Islam, membayangkan rasa tidak puas hati dengan panggilan *muallaf* atau saudara baru. Mereka berasa seolah-olah dalam Islam itu ada berperingkat-peringkat.

#### **3.3 Tersisih dan Terpisah daripada Keluarga Asal**

Sahabat-sahabat kita dari keturunan Cina dan India, apabila mereka memeluk agama Islam maka keluarga mereka terus memutuskan hubungan kekeluargaan. Sahabat-sahabat kita ini yang bekerja dengan majikan bukan Islam pula akan dibuang kerja, sekiranya diketahui yang mereka telah memeluk agama Islam. Sebagai contoh, penulis mengambil kes daripada seorang *muallaf* dan beliau merupakan salah seorang kaunselor di PERKIM Putra iaitu Ust. Ariffin Abdullah Ali, beliau mengatakan bahawa masalah ini merupakan masalah yang paling besar dalam kehidupan seseorang yang sudah memeluk Islam (*muallaf*). Beliau juga sering menghadapi situasi yang sama apabila mereka itu sudah berkahwin setelah memeluk Islam dan beliau menambah lagi bahawa kebanyakan mereka sering menghadapi masalah ini adalah dari golongan muda.<sup>5</sup>

#### **3.4 Pergolakan Rumah Tangga**

Ada juga kes di mana isteri seorang *muallaf* yang bekerja dan mempunyai pendapatan sendiri telah disuruh berhenti bekerja dan dihujahkan oleh suami tersebut bahawa tugas seorang isteri yang beragama Islam adalah hanya tinggal di rumah, menjaga keluarga dan menyediakan makan minum dan pakaian suami serta diberikan amaran tidak boleh keluar dan bercakap dengan sesiapa tanpa kebenaran suami.

Perubahan cara hidup telah memberi kesan kepada saudara baru tersebut dan apabila beliau tidak dapat bertahan lagi, isteri tersebut telah menghubungi kawan-kawannya untuk berbual-bual tanpa pengetahuan suami. Apabila suami mengetahuinya, isteri tersebut dimarahi, dipukul dan dikatakan tidak akan masuk syurga kerana derhaka kepada suaminya. Apakah tindakan suami tersebut boleh membina *muallaf* ini untuk melihat kecantikan Islam atau menyebabkan pandangan negatif terhadap Islam?

Terdapat juga kes seorang wanita yang telah berkahwin dengan seorang lelaki Islam yang diceritakan oleh Mohd Ridhuan Tee Abdullah berdasarkan artikelnya di dalam majalah *Al-Islam* Edisi Mei pada tahun 2010. Awalnya, perkahwinan mereka bagaikan syurga. Namun, setelah beberapa tahun, habis manis sepah dibuang. Inilah yang berlaku kepada

<sup>3</sup> *Ibid.* hal.3004

<sup>4</sup> <http://ms.wikipedia.org/wiki/Mualaf>

<sup>5</sup> Zahratul Aula binti Ariffin (2003), “Masalah-masalah yang dihadapi oleh saudara baru: Satu kajian di PERKIM Putra.

wanita tersebut. Saudara Muslim ini tidak lagi disayangi. Suaminya yang lahir Islam mula mencari yang lain.<sup>6</sup> Contoh-contoh kes di atas merupakan kesilapan besar umat Islam yang berkahwin dengan saudara baru dan ianya amat dikesali.

*Muallaf* yang berkahwin dengan orang Islam memerlukan didikan agar kecintaan dan kefahamannya kepada Islam akan bertambah subur dari hari demi hari. Tetapi kesilapan yang dilakukan oleh segelintir umat Islam telah menyebabkan nama baik agama turut tercalar kerana bagi mereka, apa yang ditemui dari pasangannya dan cara pergaulannya adalah gambaran kepada ajaran Islam dan ia memberi kesan besar kepada mereka dalam menilai apakah sebenarnya Islam yang suci ini.

### **3.5 Kembali kepada agama asal (Murtad)**

Permasalahan murtad ini juga merupakan masalah yang perlu dielakkan oleh golongan *muallaf* khususnya di negara ini. Setiap tahun negara kita pasti akan digemparkan dengan kejadian murtad. Sama ada diisytiharkan secara terang-terangan atau tersembunyi oleh golongan yang sanggup melakukan jenayah paling berat di sisi Islam itu.

Lebih membimbangkan, terdapat pihak yang menyokong gerakan memurtadkan umat Islam yang dipercayai menjadi dalang di sebalik gejala itu. Bukan sahaja daripada golongan bukan Islam, malah dalam kalangan umat Islam itu sendiri. Penulis mendapat maklumat daripada akhbar Utusan Malaysia yang ditulis oleh Mohd. Shah Che Ahmad di dalam ruang Bicara Agama berkenaan dengan tajuk "*Isu muallaf murtad*". Hampir setengah daripada mangsa yang terpedaya dengan gerakan murtad ini adalah daripada kalangan golongan *muallaf*. Dalam usaha membanteras gejala itu, Pengerusi Skuad Mubaligh Negeri Sembilan, Muhd. Zamri Vinoth Abdullah berkata di dalam akhbar tersebut, pemantauan berterusan perlu dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab bagi mengelakkan golongan *muallaf* kembali ke agama asal.

Katanya, ini penting bagi mengelakkan golongan *muallaf* yang baru memeluk Islam merasa tersisih dan terbiar daripada perhatian saudara seIslam yang lain. Ini kerana mereka yang diberikan hidayah Allah SWT untuk memeluk Islam itu mudah rasa tersisih disebabkan status baru dalam Islam dan tidak tahu apa-apa mengenai bab agama. Kesan daripada kurang pemantauan ini juga boleh membuatkan mereka berasa tiada perbezaan antara agama Islam dengan agama yang dahulu.<sup>7</sup>

### **3.6 Diberhentikan Kerja oleh Majikan**

Hubungan antara individu dengan pihak luar turut menjadi salah satu faktor permasalahan kepada golongan *muallaf*. Berdasarkan pemerhatian penulis dalam kajian yang dilakukan oleh Zahratul Aula binti Ariffin (2003), yang bertajuk "Masalah-masalah yang dihadapi oleh saudara baru: Satu kajian di PERKIM Putra. Terdapat satu lagi masalah yang dialami oleh *muallaf* di dalam pertubuhan tersebut iaitu segelintir *muallaf* diberhentikan kerja oleh majikannya. Mengikut rekod PERKIM, masalah ini tidak kurang hebatnya yang sering juga dialami oleh golongan yang baru memeluk Islam. Bagi mereka yang sudah memiliki kerja yang baik, mereka terpaksa melepaskannya, kerana pihak majikan mereka sudah memberhentikan perkhidmatan mereka. Sebagai contoh seorang wanita yang terpaksa

---

<sup>6</sup> Mohd Ridhuan Tee Abdullah (2012), *Cabaran Saudara Baharu di Malaysia*. Kuala Lumpur; Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd. h. 69

<sup>7</sup> [http://www.utusan.com.my/utusan/Bicara\\_Agama/20120720/ba\\_02/Isu-muallaf-murtad](http://www.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20120720/ba_02/Isu-muallaf-murtad)

melepaskan kerjanya akibat pihak majikannya merupakan seorang yang anti-Islam yang tidak suka pekerjaannya memeluk Islam.<sup>8</sup>

Seharusnya, memang tidak wajar perkara ini dilakukan kepada golongan *muallaf* yang baru mula untuk bertatih dan mengenal Islam ini diberhentikan kerja dengan alasan yang bagi penulis adalah tidak relevan sama sekali. Penulis berpendapat bahawa setiap orang perlu diberi peluang untuk mereka mencari dan memperbaiki diri dari semasa ke semasa.

### 3.7 Proses Pengurusan Pengislaman

Selain daripada masalah yang terjadi melalui individu atau keluarga *muallaf* itu sendiri, ada juga ia datang daripada pihak pengurusan pengislaman. Penulis mengambil contoh daripada pengalaman pahit daripada seorang *muallaf* di sebuah pejabat agama yang mengatakan bahawa beliau menghadirkan diri ke sana untuk urusan penukaran nama dalam kad akuan memeluk Islam pada 23 Ogos 2006. Walaupun sudah 8 tahun berlalu, namun, setiap permasalahan ini perlu diambil kira bagi menambah baik pulih pada masa akan datang. Apa yang diluahkan oleh *muallaf* ini adalah disebabkan layanan yang diterima olehnya sungguh tidak wajar. Malah seorang pegawai antara lain menuduh beliau suka-suka sahaja memeluk agama Islam, semata-mata untuk mendapatkan bantuan dan keistimewaan yang lain secara percuma dengan cara memeluk Islam.

Antara permasalahan lain, yang timbul di dalam proses pengurusan pengislaman ini juga, penulis mendapati bahawa tidak ada *followup* daripada pejabat agama. Golongan ini tidak ditanya adakah mereka ini memerlukan bantuan dan pertolongan atau apa-apa yang patut mereka lakukan. Tetapi, di dalam kenyataan ini juga tidak bermakna semua yang tidak menjalankan dakwah tersebut. Hanya segelintir sahaja yang berbuat demikian.<sup>9</sup>

Ada juga dijelaskan bahawa kursus selama seminggu yang disediakan kepada mereka (*muallaf*) adalah tidak cukup untuk mengatakan bahawa pihak pengurusan melakukan *follow up*. Disebabkan oleh kekurangan pegawai agama juga yang datang untuk membuat lawatan rumah ke rumah turut berkurangan. Maka, tidak dinafikan bahawa berlakunya murtad dalam kalangan *muallaf* itu.

## 4.0 SARANAN

Antara saranan yang dapat dijadikan garis panduan adalah seperti:

### 4.1 Organisasi yang bertanggungjawab dan Kerajaan

Antara perkara yang boleh dimurnikan lagi adalah seperti:

- i. Kegiatan turun padang bersama-sama *muallaf* dipertingkatkan dengan melawat tempat kediaman mereka dan kehidupan mereka seharian, tempat pendidikan mereka dan perkara-perkara asas bagi mereka yang masih baru.
- ii. Tempoh jangka masa panjang yang berterusan dan program pemantauan bagi mereka yang baru memeluk Islam dan bagi yang telah lama turut dipantau dari beberapa peringkat dan dari semasa ke semasa.

---

<sup>8</sup> Zahratul Aula binti Ariffin. *Ibid*.

<sup>9</sup> Dr. Mohd. Ridhuan Tee Abdullah. *Al-Islam. Suara saudara Muslim*. Edisi Januari 2010. Hal. 70-71.

- iii. Menyediakan jadual program berkala dan perbanyakkan program khususnya kepada daie junior serta senior bagi mengelola pengurusan untuk membantu *muallaf* dan mengetahui permasalahan yang dihadapi oleh mereka.
- iv. Sentiasa bersikap toleransi dan rasional dan memberi latihan kepada *muallaf* itu sendiri agar menjadi daie kepada *muallaf* dan orang awam. Mengajar mereka menjadi sebagai ikon untuk masyarakat di luar.
- v. Memantapkan lagi perkhidmatan pengurusan dari sudut infrastruktur dan kemudahan-kemudahan yang lain seperti sistem pendaftaran, sistem bantuan dan sebagainya yang mencukupi buat mereka yang memerlukan.
- vi. Menubuhkan pusat kaunseling di bahagian pembangunan *muallaf* di samping memberi khidmat nasihat secara berkala khususnya. Dengan cara ini mereka mempunyai tempat untuk mengadu masalah yang terdapat di kalangan mereka.

Kesimpulannya, dalam memberi perkhidmatan cemerlang, produktiviti yang maksimum dan pengurusan berkualiti ia merupakan matlamat utama setiap organisasi amnya. Semuanya itu tidak akan tercapai tanpa wujudnya budaya kerja cemerlang, nilai dan etika yang murni. Justeru itulah unsur-unsur tersebut dititikberatkan. Pengabaianya mengakibatkan meluasnya penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, rasuah dan krisis pengurusan dan pentadbiran di seluruh dunia amnya dan di Malaysia khususnya.

## 4.2 Masyarakat

Bagi masyarakat awam, tidak boleh bersikap negatif dan menghindarkan diri daripada golongan ini tanpa tiada perasaan prihatin terhadap mereka. Perlu sentiasa mengambil berat antara satu sama lain dan menerima mereka dengan hati yang terbuka.

## 4.3 Golongan *muallaf*

Tidak mudah berputus asa dan kecewa perlu ada dalam diri setiap *muallaf*, kerana golongan ini perlu tahu bahawa cabaran yang mereka hadapi ini bukanlah sia-sia, malah mendapat ganjaran yang baik jika digalas dengan usaha yang benar-benar ikhlas.

## 5.0 RUJUKAN

- Prof. dr. haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (HAMKA) (1984). *Tafsir Al-Azhar*. Juzu' 10. Ayat At-taubah (ayat 60). Edisi pustaka Nasional Pte Ltd; Singapura.h.3003
- Zahratul Aula binti Ariffin (2003), "*Masalah-masalah yang dihadapi oleh saudara baru: Satu kajian di PERKIM Putra*."
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah (2012), *Cabaran Saudara Baharu di Malaysia*. Kuala Lumpur;Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd. h. 69
- Zahratul Aula binti Ariffin. *Ibid*.
- Dr. Mohd. Ridhuan Tee Abdullah. Al-Islam. *Suara saudara Muslim*. Edisi Januari 2010. Hal. 70-71.
- [http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Membelanasibsaudarabaru/Article/index\\_html](http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Membelanasibsaudarabaru/Article/index_html)  
3 November 2012. 13:54.
- <http://ms.wikipedia.org/wiki/Mualaf>
- [http://www.utusan.com.my/utusan/Bicara\\_Agama/20120720/ba\\_02/Isu-mualaf-murtad](http://www.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20120720/ba_02/Isu-mualaf-murtad)